



**PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS
(PKENPs)**

**POLISI KONFLIK KEPENTINGAN
CONFLICT OF INTEREST POLICY**

PENYATAAN POLISI

PKENPs telah mewujudkan Polisi dan Garis Panduan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan anggotakerja PKENPs di mana mempunyai kepentingan peribadi yang berkemungkinan mengganggu dalam sesuatu keputusan secara am dan khusus menjalankan tugas dan tanggungjawab yang melibatkan anggotakerja yang mengurus atau pihak ketiga.

OBJEKTIF POLISI

Polisi Konflik Kepentingan adalah bagi mengelakkan perkara yang boleh merosakkan imej dan reputasi PKENPs dalam melaksanakan tugas seharian dengan telus, amanah dan berintegriti. Konflik kepentingan ialah kepentingan yang melibatkan anak, suami / isteri dan sebagainya yang diistilahkan sebagai saudara merujuk kepada **SEKSYEN 3 AKTA SPRM 2009** seperti berikut:-

'saudara' berhubung dengan seseorang, ertinya,

- a. Isteri atau suami itu:
- b. Adik atau abang atau kakak orang itu:
- c. Adik atau abang atau kakak isteri atau suami orang itu:
- d. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orang itu:
- e. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan isteri atau suami orang itu:
- f. Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke bawah dengan orang yang disebut dalam perenggan (b):

- g. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu: atau
- h. Menantu orang itu

la juga melibatkan tugas kerja yang melibatkan **AHLI KELUARGA atau ANGGOTA MEMPUNYAI HUBUNGAN PERIBADI YANG RAPAT** boleh menimbulkan Konflik Kepentingan sebenar serta boleh mewujudkan suasana kerja yang negatif atau tidak professional seperti terkandung di bawah **SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009** seperti berikut :

Seksyen 23 (1) *Mana – mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan kedudukannya untuk apa – apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutu, melakukan kesalahan:*

Seksyen 23 (2) *Bagi maksud subseksyen (1), seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa – apa suapan, sama ada dirinya, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa – apa keputusan, atau mengambil apa – apa tindakan, berhubung dengan apa – apa perkara yang mengenainya pegawai itu, atau mana – mana saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.*

SKOP POLISI

Polisi ini terpakai kepada:

1. Ahli Lembaga Pengarah PKENPs sepanjang tempoh perkhidmatannya;
2. Jawatankuasa yang dilantik sepanjang tempoh perkhidmatannya;
3. Semua anggotakerja PKENPs termasuk Pengurusan PKENPs serta Pegawai-Pegawai PKENPs;
4. Semua pembekal, kontraktor dan pihak berkepentingan yang sedang atau akan berurusan dengan PKENPs;
5. Pelanggan PKENPs;
6. Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkaitan.

KATEGORI POLISI

Untuk memastikan kepentingan PKENPs terjamin, semua pekerja **diwajibkan** untuk mengisytiharkan kepentingan pertalian saudara, kewangan, peribadi, keaktifan parti politik dan lain – lain dalam apa jua perkara yang boleh mewujudkan Konflik Kepentingan dalam tugas rasmi di PKENPs. Polisi ini merangkumi kategori seperti berikut:-

1. Pengisytiharan Ahli Mesyuarat

- Borang Pengisytiharan Mesyuarat akan diedarkan oleh urusetia kepada setiap Bahagian dan Unit PKENPs sebelum mesyuarat bermula.
- Pengerusi mesyuarat akan menyemak borang tersebut dan sekiranya terdapat Konflik Kepentingan, Pengerusi akan memaklumkan Ahli Mesyuarat sebelum dimulakan. Antara tindakan yang boleh diambil oleh Pengerusi adalah:-
 - *Menahan diri daripada mengambil bahagian dalam mesyuarat tersebut.*
 - *Berkecuali dalam mengundi.*
 - *Menarik diri daripada mesyuarat.*
 - *Sila rujuk Unit Integriti – mesyuarat yang memerlukan Pengisytiharan.*

2. Pengisytiharan Memiliki Pelaburan Luar

- *Pelaburan peribadi yang dibuat seseorang pekerja PKENPs*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

3. Pengisytiharan Menjalankan Pekerjaan Atau Perniagaan Luar

- *Pekerjaan kedua atau pekerjaan separuh masa / partime atau menjalankan perniagaan di luar yang dibuat anggotakerja PKENPs*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

4. Pengisytiharan Menyertai Parti Politik

- *Bergiat aktif dan memiliki jawatan dalam mana – mana Parti Politik di luar mana yang dibuat seseorang pekerja PKENPs*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

5. Proses dan Aktiviti Perundangan

- *Setiap proses Undang – Undang seperti memerlukan perkhidmatan Syarikat Guaman, Tenancy Agreement dan Perkhidmatan Perundangan yang relevan.*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan dalam setiap proses pelantikan yang baharu.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

6. Proses dan Aktiviti dalam Panel Temuduga Jawatan Baharu / Kenaikan Pangkat

- *Kepada Para Panel Penemuduga samada daripada dalam atau luar PKENPs*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan dalam setiap proses pelantikan / kenaikan pangkat yang baharu.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

7. Proses dan Aktiviti Pembiayaan

- *Kepada Para Panel Penemuduga samada daripada dalam atau luar PKENPs*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan dalam setiap proses pembiayaan yang baharu.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

8. Proses dan Aktiviti Penyewaan

- *Kepada Para Panel Penemuduga samada daripada dalam atau luar PKENPs*
- *Perlu mengisi Borang Pengisytiharan dalam setiap proses penyewaan yang baharu.*
- *Sila rujuk Unit Integriti – bagi mendapatkan Borang Pengisytiharan.*

MEREKOD DATA

Setelah Pegawai Integriti menerima borang Pengisytiharaan Kepentingan, hendaklah bertanggungjawab untuk menyimpan borang-borang tersebut ke dalam format elektronik atau salinan kertas.

Semua salinan kertas disimpan dengan selamat di dalam kabinet/almari berkunci dalam pejabat peribadi Pegawai Integriti. Akses kepada maklumat adalah terhad hanya kepada kakitangan tertentu sahaja seperti Pegawai Integriti dan anggotakerja Unit Integriti.

KETIDAKPATUHAN POLISI

Sekiranya anggotakerja PKENPs gagal mengemukakan Borang Pengisytiharan yang berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan atau terbukti mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, tindakan sewajarnya akan diambil mengikut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2001.

Hukuman yang disenaraikan di bawah Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2001 adalah :-

- i. Amaran bertulis;
- ii. Denda;
- iii. Lucut hal emolumen;
- iv. Tangguh kenaikan gaji;
- v. Turun gaji;
- vi. Turun pangkat; dan
- vii. Buang kerja.

TUAN MOHD SHUKRI BIN RAMLI

PENGERUSI

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs)

31 DISEMBER 2022

